



## KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

### SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 10 MAC 2021

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan status terkini kes COVID-19 di Malaysia sehingga 10 Mac 2021 (jam 12:00 tengah hari);

- Kes sembuh : **2,137 kes** (298,516 kes kumulatif, 94.0%);
- Kes baharu : **1,448 kes** (317,717 kes kumulatif);
- Kes import : **10 kes** (1 warganegara; 9 bukan warganegara)
- Kes tempatan : **1,438 kes** [878 warganegara (61.1%); 560 bukan warganegara (38.9%)];
- Kes aktif : **18,010 kes**;
- Kes yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU) : **151 kes**;
- Kes memerlukan bantuan pernafasan : **72 kes**; dan
- Kes kematian : **5 kes** (1,191 kes kumulatif, 0.37%; 5 warganegara).

Selangor melaporkan kes harian baharu tertinggi iaitu sebanyak **561 kes (38.7 peratus)**. Daripada jumlah ini, sebanyak **484 kes (86.3 peratus)** adalah daripada kluster-kluster dan saringan kontak rapat COVID-19 yang aktif dijalankan di lapangan. Ini diikuti oleh Johor sebanyak **273 kes (18.9 peratus)** dan Sarawak sebanyak **199 kes (13.7 peratus)**.

Sebanyak **15 kes (1.0 peratus)** yang dilaporkan pula adalah berkaitan kluster-kluster di penjara dan Depot Tahanan Imigresen (DTI) yang membabitkan Kluster Tembok Pengkalan Chepa (5 kes), Kluster Telok Mas (5 kes), Kluster DTI Persiaran Wawasan (2 kes), Kluster Tembok Taiping (1 kes), Kluster Tembok Tapah (1 kes), dan Kluster Tembok Bendera (1 kes).

Kes-kes kematian pada hari ini melibatkan dua (2) kes di Selangor, dan masing-masing satu (1) kes di Johor, Melaka, dan Sabah. Kesemua kes kematian melibatkan warganegara. KKM mengucapkan takziah kepada semua ahli keluarga mereka.

Perincian penuh jumlah kes mengikut negeri adalah seperti di **Lampiran 1 dan 2**, manakala ringkasan kes kematian mengikut negeri adalah seperti di **Lampiran 3** yang disertakan bersama kenyataan media ini.

## **MAKLUMAT TERKINI BERKAITAN KLUSTER-KLUSTER**

Berikut adalah maklumat terkini berkaitan kluster-kluster di Malaysia sehingga 10 Mac 2021:

- Jumlah kluster : **1,217 kluster**;
- Jumlah kluster baharu : **5 kluster**;
- Jumlah kluster yang telah tamat : **768 kluster** (termasuk **13 kluster** yang tamat pada hari ini iaitu **Kluster Dialisis Batu, Kluster Intan Mas, Kluster Kupang, Kluster Tapak Bina Jalan Nipah, Kluster Sri Gading, Kluster Jalan Ithnin, Kluster Padas Damit, Kluster Kampung Samin, Kluster Seri Bayu, Kluster Industri Grisek, Kluster Jalan Suasa, Kluster Kampung Lukut, dan Kluster Jalan Satu KKIP**);
- Jumlah kluster aktif : **449 kluster**;
- Jumlah kluster dengan pertambahan kes baharu pada hari ini : **59 kluster**; dan
- Kluster-kluster dengan pertambahan kes baharu tertinggi pada hari ini adalah **Kluster Tapak Bina Jalan Zamrud (151 Kes), Kluster Parit Penyengat Darat (123 kes), dan Kluster Jalan Changkat Jong (49 kes)**.

## **KLUSTER BAHARU**

KKM juga ingin memaklumkan terdapat **lima (5) kluster baharu** yang telah dikenal pasti pada hari ini, yang melibatkan dua (2) kluster berkaitan tempat kerja, dua (2) kluster berkaitan komuniti, dan satu (1) kluster import.

Perincian kluster-kluster baharu adalah seperti di **Lampiran 4** yang disertakan bersama kenyataan media ini.

<b>No.</b>	<b>Nama Kluster</b>	<b>Negeri</b>	<b>Kategori Kluster</b>
1	Parit Penyengat Darat	Johor	Tempat Kerja
2	Dagang Permai	Selangor	Tempat Kerja
3	Sungai Puteh	Selangor	Komuniti
4	Melor	Sarawak	Komuniti
5	Pona	Johor	Import

## **HARI PEMBANTU PERUBATAN 2021: BERSAMA PEMBANTU PERUBATAN MEMERANGI COVID-19**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Pembantu Perubatan kepada semua Penolong Pegawai Perubatan di pelbagai sektor kesihatan di Malaysia. Tarikh 10 Mac telah diistiharkan sebagai Hari Pembantu Perubatan dan tahun ini merupakan tahun ke-10 sambutan ini diraikan di seluruh negara dengan tema “Bersama Pembantu Perubatan Memerangi COVID-19”.

Sebagai salah satu profesion di barisan hadapan dalam perkhidmatan kesihatan negara ini, peranan Penolong Pegawai Perubatan adalah sangat penting bagi memastikan kesihatan rakyat terjaga dan rakyat mendapat perkhidmatan terbaik daripada mereka.

Semoga, kumpulan profesion ini dapat terus memainkan peranan yang penting serta bekerjasama sebagai sebuah pasukan bersama dengan profesion perubatan yang lain khususnya dalam membendung wabak COVID-19 di negara.

### **NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19**

KKM ingin menasihati orang ramai agar terus patuhi saranan serta nasihat-nasihat kesihatan yang sering ditekankan iaitu;

- **Elakkan 3S:** (elakkan kawasan yang **sesak**, **sempit** dan **sembang** dengan jarak yang dekat).
- **Amalkan 3W:** (Amalkan **Wash**, **Wear** dan **Warn**)

Patuhlah kepada **S.O.P** sebagai normal baharu. KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak WHO. Orang ramai akan sentiasa dimaklumkan sebarang

perkembangan terkini mengenainya. Begitu juga, KKM akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya adalah dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

**TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH**  
**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

10 Mac 2021 @ 5.30 petang.

**LAMPIRAN 1**

**BILANGAN KES COVID-19  
MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA  
(SEHINGGA 10 MAC 2021, JAM 12:00 TENGAH HARI)**

<b>NEGERI</b>	<b>BILANGAN KES BAHARU *( )</b>	<b>BILANGAN KES KUMULATIF</b>
<b>SELANGOR</b>	561 (2)	106,405
<b>SABAH</b>	54	53,675
<b>JOHOR</b>	273 (8)	38,559
<b>WP KUALA LUMPUR</b>	103	36,012
<b>NEGERI SEMBILAN</b>	10	16,564
<b>PULAU PINANG</b>	99	12,799
<b>PERAK</b>	83	12,056
<b>SARAWAK</b>	199	11,710
<b>KEDAH</b>	20	7,779
<b>MELAKA</b>	11	6,071
<b>KELANTAN</b>	19	5,208
<b>PAHANG</b>	1	3,921
<b>TERENGGANU</b>	8	3,338
<b>WP LABUAN</b>	0	2,264
<b>WP PUTRAJAYA</b>	0	1,092
<b>PERLIS</b>	7	264
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>1,448 (10)</b>	<b>317,717</b>

\*( ) adalah merujuk kepada kes-kes import

## LAMPIRAN 2

**Perincian 1,448 kes positif COVID-19 baharu yang dilaporkan di Malaysia pada 10 Mac 2021 adalah seperti berikut:**

- **Selangor: 561 kes**

- 286 kes daripada kluster-kluster, termasuk 11 kes daripada kluster-kluster baharu iaitu **Kluster Sungai Puteh dan Kluster Dagang Permai**;
- 198 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19;
- Dua (2) kes import dari luar negara; dan
- 75 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Johor: 273 kes**

- 176 kes daripada kluster-kluster, termasuk 131 kes daripada kluster-kluster baharu iaitu **Kluster Parit Penyengat Darat dan Kluster Pona [Kluster ini melibatkan lapan (8) kes import dari luar negara]**;
- 46 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
- 51 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.



- **Sarawak: 199 kes**

- 60 kes daripada kluster-kluster, termasuk dua (2) kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Melor**;
- 96 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
- 43 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur: 103 kes**

- 37 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
- 21 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
- 45 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Pulau Pinang: 99 kes**

- 41 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
- 25 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
- 33 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Sabah: 54 kes**

- Satu (1) kes daripada kluster sedia ada;
- 39 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
- 14 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Perak: 83 kes**

- 71 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
- Lapan (8) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
- Empat (4) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Kedah: 20 kes**

- Satu (1) kes daripada kluster sedia ada;
- Tujuh (7) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
- 12 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Kelantan: 19 kes**

- Tujuh (7) kes daripada kluster-kluster sedia ada;
- Lima (5) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
- Tujuh (7) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Melaka: 11 kes**

- Lima (5) kes daripada kluster sedia ada;
- Satu (1) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
- Lima (5) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Negeri Sembilan: 10 kes**
  - Sembilan (9) kes daripada kluster-kluster sedia ada; dan
  - Satu (1) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
  
- **Terengganu: Lapan (8) kes**
  - Tiga (3) kes daripada kluster-kluster sedia ada;
  - Empat (4) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
  - Satu (1) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
  
- **Perlis: Tujuh (7) kes**
  - Dua (2) kes daripada kluster sedia ada;
  - Satu (1) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
  - Empat (4) daripada lain-lain saringan COVID-19.
  
- **Pahang: Satu (1) kes** daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19.

### LAMPIRAN 3

Ringkasan lima (5) kes kematian pada 10 Mac 2021 adalah seperti berikut:

No. Kematian	No. Kes	Negeri	Jantina (warganegara)	Umur (tahun)	Hospital / Tempat Kematian	Latar Belakang
1187	222406	Melaka	Lelaki (WN)	43	Hospital Melaka	Penyakit paru-paru obstruktif kronik
1188	278706	Selangor	Lelaki (WN)	71	Pusat Perubatan Universiti Malaya	Penyakit kencing manis dan kanser usus
1189	303269	Sabah	Lelaki (WN)	65	Hospital Queen Elizabeth, Kota Kinabalu	Penyakit kencing manis, darah tinggi, dan buah pinggang kronik
1190	315126	Selangor	Perempuan (WN)	72	Hospital Sungai Buloh	Penyakit buah pinggang kronik dan strok
1191	315682	Johor	Lelaki (WN)	48	Hospital Sultan Ismail, Johor Bahru	Penyakit kencing manis, darah tinggi, jantung, buah pinggang kronik, dan <i>peripheral vascular disease</i>

\*WN merujuk kepada warganegara.

**Perincian lima (5) kluster baharu yang telah dikenal pasti pada hari ini iaitu:**

**1. KLUSTER SUNGAI PUTEH**

Kluster komuniti ini melibatkan daerah Hulu Langat di Selangor. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-312147) dilaporkan positif COVID-19 pada 7 Mac 2021 hasil saringan individu bergejala. Nama kluster merujuk kepada lokaliti kediaman kes indeks iaitu di Kampung Bukit Puteh, Sungai Puteh, Lembah Jaya Utara, Hulu Langat. Sehingga 10 Mac 2021, sejumlah 65 individu telah disaring, di mana **21 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

**2. KLUSTER DAGANG PERMAI**

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Hulu Langat di Selangor. Kes-kes dalam kluster ini dilaporkan positif COVID-19 bermula pada 1 Mac 2021 hasil saringan bersasar pengawal-pengawal keselamatan dan pekerja-pekerja sebuah pasar raya yang terletak di Taman Dagang Permai, Ampang, Hulu Langat. Sehingga 10 Mac 2021, sejumlah 135 individu telah disaring, di mana **16 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

### **3. KLUSTER PARIT PENYENGAT DARAT**

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Muar di Johor. Kes-kes dalam kluster ini dilaporkan positif COVID-19 bermula pada 6 Mac 2021 hasil saringan bersasar pekerja-pekerja sebuah kilang yang terletak di Kawasan Perindustrian Parit Jamil, Muar. Nama kluster merujuk kepada lokaliti asrama pekerja-pekerja kilang tersebut yang terletak di Parit Penyengat Darat, Muar. Sehingga 10 Mac 2021, sejumlah 317 individu telah disaring, di mana **124 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

### **4. KLUSTER PONA**

Kluster import ini melibatkan daerah Johor Bahru di Johor. Kes-kes dalam kluster ini dilaporkan positif COVID-19 pada 10 Mac 2021 hasil saringan sebelum ke luar negara. Kluster ini melibatkan krew-krew sebuah kapal kargo yang berlabuh di Pelabuhan Tanjung Pelepas, Johor Bahru pada 6 Mac 2021. Kapal kargo ini mempunyai sejarah perjalanan dari Surabaya, Indonesia. Sehingga 10 Mac 2021, sejumlah 25 individu telah disaring, di mana **lapan (8) kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

## **5. KLUSTER MELOR**

Kluster komuniti ini melibatkan daerah Pusa di Sarawak. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-298181) dilaporkan positif COVID-19 pada 27 Februari 2021 hasil saringan individu bergejala. Nama kluster merujuk kepada lokaliti penularan kes-kes yang dilaporkan berlaku iaitu di Lorong Melor, Kampung Tengah Beladin, Pusa. Sehingga 10 Mac 2021, sejumlah 335 individu telah disaring, di mana **14 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.